

# Kolej kediaman kondusif pelengkap sistem pendidikan IPT

[TALIB ABDULLAH SHANI, UMS](#) Khamis | 29 Ogos 2019



**Bulan September adalah bulan kemasukan mahasiswa ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) khususnya Universiti Awam (UA) di Malaysia dengan anggaran kemasukan kira-kira 50,000 mahasiswa. Kemasukan ini mewajibkan semua mahasiswa baharu untuk tinggal di tempat penginapan atau kolej kediaman yang disediakan oleh universiti masing-masing sekurang-kurangnya pada tahun pertama pengajian.**

Senario ini adalah untuk memastikan mahasiswa tahun pertama dapat didedahkan, berasimilasi dan mampu berdikari dengan kehidupan kampus yang bermula dari kolej kediaman. Jika dahulunya, kolej kediaman sinonim dengan jolokan aktiviti rutin 3K, iaitu iaitu katil, kafeteria dan komputer. Namun, pada masa kini takrifannya lebih jauh meluas daripada itu, yakni kolej kediaman perlu mampu menjana 3K, iaitu kemahiran insaniah, keharmonian dan kesejahteraan.

***Bagi memastikan pengurusan kolej kediaman sentiasa pada tahap optimum tiga nilai utama atau core value yang perlu ada iaitu 3L, iaitu life (kehidupan), learning (pembelajaran) dan leading (memimpin). Nilai utama ini adalah intepretasi kepada matlamat dan fungsi kewujudan kolej kediaman itu sendiri di universiti. Life bermaksud kolej kediaman menyediakan sebaik dan semampu mungkin penginapan, kemudahan dan persekitaran yang kondusif, selamat dan sihat agar pelajar merasakan seperti berada dalam suasana rumah sebenar.***

*Learning* pula bermaksud kolej kediaman menyediakan ruang dan peluang serta kemudahan yang dapat mewujudkan suasana pembelajaran, pembangunan *soft skill* dan akhirnya mencipta pengalaman holistik sepanjang bergelar penuntut universiti atau mahasiswa.

Manakala *leading* pula bermaksud kolej kediaman memimpin mahasiswa agar mereka mampu menjadi graduan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Oleh itu, matlamat dan kewujudan kolej kediaman di IPT bukan sekadar tempat penginapan, tetapi juga sebagai tempat di mana proses pembelajaran terlaksana. Pada lazimnya, proses pembelajaran hanya berlaku di dewan atau bilik kuliah, makmal, perpustakaan atau mana-mana tempat pembelajaran lain. Namun demikian, potensi sebenar kolej kediaman sebagai pusat pembelajaran kedua masih belum dieksplorasi dan dioptimumkan sepenuhnya.

Menurut Murrell dan Denzine, dalam artikelnya bertajuk ‘Community College Residence Hall: A Hidden Treasure’ pada tahun 1998, yang diterbitkan dalam Community College Journal of Research and Practice, penginapan mahasiswa memainkan peranan yang signifikan dalam menyumbang ke arah proses pembelajaran dan perkembangan kognitif mereka.

*Kesan penginapan dianggap penting kerana persekitarannya mempengaruhi kesejahteraan dan kesihatan seseorang penuntut serta sebahagian besar daripada perbelanjaan adalah dilaburkan kepada penginapan atau kolej kediaman. Sehubungan dengan itu, boleh dikatakan bahawa ‘Kolej Kediaman adalah pusat lanjutan dan pelengkap kepada sistem pendidikan universiti yang berteraskan semangat integrasi nasional dan memelihara kesejahteraan serta keharmonian warganya’.*

Sedar atau tidak, kolej kediaman ini sebenarnya merupakan entiti kedua penting selepas fakulti atau apa-apa nama bagi pusat pembelajaran sesebuah universiti. Ini kerana semua ilmu dan kemahiran yang diperoleh di bilik kuliah akan digarap dan diaplikasikan melalui pelbagai aktiviti pelajar di kolej kediaman.

Mengupas tentang perkara ini, Garis Panduan Pengurusan dan Pembangunan Kemudahan Kolej Kediaman IPTA ada menyenaraikan lapan domain aktiviti pelajar di kolej kediaman bagi memastikan proses pembangunan kemahiran insaniah penuntut terlaksana dengan jayanya. Ia termasuklah kemahiran komunikasi; sosial dan kebertanggungjawaban; nilai, sikap, etika dan profesionalisme; kepimpinan dan kerja berpasukan; kemahiran kreatif dan inovatif; kemahiran pengurusan dan keusahawanan; pemikiran kritis, menyelesaikan masalah dan pendekatan saintifik; serta pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat.

Sebagai contoh di Universiti Malaysia Sabah (UMS), segala perancangan dan pelaksanaan sesuatu program mahasiswa, termasuk di kolej kediaman dilakukan oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) berlandaskan kepada lapan domain tadi dengan berdasarkan kepada sembilan teras. Teras yang dimaksudkan merangkumi kepimpinan dan jati diri; kemasyarakatan; keusahawanan; inovatif dan kreatif; kesukarelawanan; seni dan budaya; sosial; rekreasi dan riadah; serta pengucapan awam.

*Oleh yang demikian, hala tuju aktiviti di kolej kediaman telah jelas untuk membimbing dan membantu pelajar menjadi individu yang bukan sahaja cemerlang aspek ilmu akademiknya, malah turut cemerlang dalam bidang kemahiran insaniahnya. Maka, pilihan terletak di tangan mahasiswa yang bakal menetap di kolej kediaman. Jika ingin cemerlang kedua-dua*

*aspek tersebut, maka perlulah terlibat aktif dalam aktiviti serta kepimpinan mahasiswa di peringkat kolej kediaman.*



TALIB ABDULLAH SHANI

Sesungguhnya, pengurusan kolej kediaman di IPT merupakan satu tugas yang besar dan murni. Tugas ini bukan hanya menyediakan kemudahan penginapan tetapi menjangkau kepada pembinaan sahsiah bagi melahirkan graduan yang bukan sahaja hebat akademiknya, tetapi juga hebat insaniah serta kalbunya, agar mereka mampu menjadi modal insan yang hebat.

Justeru, kepada para mahasiswa yang berjaya melanjutkan pengajian ke universiti, syabas dan tahniah diucapkan. Gunakanlah peluang terbaik dalam diari kehidupan anda ini, untuk membangunkan potensi anda melalui aktiviti di kolej kediaman dan fakulti masing-masing. Selamat datang ke kolej kediaman di universiti masing-masing, sesungguhnya kolej kediaman adalah tempat bermulanya eksplorasi kehidupan kampus anda yang pastinya menyeronokkan, mengujakan dan memberi pengalaman yang holistik.

*Penulis merupakan Pengarah Pusat Perumahan Pelajar & Hospitaliti Universiti Malaysia Sabah, merangkap Setiausaha Majlis Perumahan Universiti Awam Malaysia (MAPUM)*